

19 AUG 1999

MAHATHIR-EAEC

DR M ULANGI PERLUNYA PERKUMPULAN NEGARA ASIA TIMUR UNTUK TANGANI MASALAH SERANTAU

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan sekali lagi bahawa kegawatan kewangan dan ekonomi yang menjejaskan rantau ini merupakan bukti nyata tentang perlunya diwujudkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), sebuah badan perunding bagi negara-negara Asia Timur untuk membincangkan masalah serantau.

"Satu kumpulan yang mengandungi anggota-anggota dari rantau ini akan lebih memahami masalah-masalah dan keperluan-keperluan ekonomi-ekonomi bermasalah," katanya dalam ucapan dasarnya mengenai "Hubungan Malaysia-China: Cabaran dan Peluang dalam Abad Ke-21" yang disampaikannya pada Forum Malaysia China Ketiga di sini.

Jika ada EAEC yang terdiri daripada negara-negara Asean serta China, Jepun dan Korea Selatan ketika krisis kewangan tercetus mulai Julai 1997 dahulu, Dr Mahathir merasakan bahawa jalan keluar pertama bagi Thailand, Indonesia dan Korea Selatan tentulah bukan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi sebaliknya ialah EAEC.

"Sebabnya ialah ekonomi-ekonomi ini sedar sepenuhnya terhadap syarat-syarat keras yang dikenakan oleh IMF ke atas mereka sebagai balasan bagi bantuan kewangan," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menggesa China untuk turut serta bersama Malaysia, Jepun dan Korea Selatan dalam membentuk sebuah perkumpulan serantau bagi mewakili kepentingan negara-negara Asia Timur, sama ada melalui EAEC atau mana-mana badan Asia Timur dengan nama yang lain.

"EAEC yang diiktiraf secara sah akan membolehkan perundingan diadakan mengenai isu-isu yang penting kepada rantau ini dan dengan EAEC, kepentingan rantau ini boleh diketengahkan dengan lebih baik di APEC, ASEM (Mesyuarat Asia-Eropah) dan WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia)," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menyentuh tentang kerjasama dalam bidang sains dan teknologi di antara Malaysia dan China. Kedua-dua pihak, katanya, mestilah memaksimumkan kerjasama dalam aspek penting pembangunan negara dan serantau.

Bagi kemajuan dalam bidang komunikasi, perubatan, sumber tenaga dan pengetahuan pertahanan, sains dan teknologi memerlukan satu `perkongsian pintar' di antara China dan Malaysia bagi abad ke-21, katanya.

Dr Mahathir juga berkata kredibiliti Asia Timur sebagai jentera pertumbuhan bagi rantau ini dan ekonomi global boleh dicapai dengan sebaik-baiknya jika negara-negara serantau boleh maju setanding dengan negara-negara Barat dalam abad akan datang.

"Kita mesti sama-sama berazam untuk menjadi penyumbang kepada pembangunan teknologi global, bukan penerima atau pengguna teknologi Barat, dalam abad akan datang," tegas beliau.

Forum tersebut dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan dihadiri oleh 750 peserta termasuk 200 ahli perniagaan Malaysia.

-- BERNAMA

AM KY OS